

**DAKWAH ISLAM DAN INOVASI MEDIA : PELUANG TERHADAP
MEDIA GLOBAL ATAS DAKWAH ISLAM**

ANIS SYAMIMI BINTI BASRI

PID 17371

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM PENGKHUSUSAN
DAKWAH DAN PENGURUSAN**

JABATAN DAKWAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

2020

PENGAKUAN

“Saya dengan ini mengakui karya ini adalah hasil kerja sendiri kecuali nukilan dan ringkasan setiap satunya telah saya jelaskan sumber rujukannya”.

Tarikh :

Tandatangan :

Nama Calon : Anis Syamimi Bt Basri

Nombor Matrik : PID 17371

AKUAN PENYELIA

Kertas projek ini diluluskan dan diterima oleh :

Tandatangan:

Nama Penyelia :

Puan Siti Masliah Binti Mohd Nuri

Penyelia Kertas Projek

Jabatan Dakwah

Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT yang telah menganugerahkan kepada kita nikmat iman dan Islam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, para sahabat, tabiin dan sesiapa sahaja yang menuruti dan mengikut jejak langkah mereka sehingga hari Kiamat.

Allah menciptakan umat manusia dalam tabiat dan sifat yang pelbagai. Perbezaan yang wujud baik dari sudut agama, bangsa, bahasa serta budaya hakikatnya menuntut kea rah satu kesefahaman yang harmoni agar dapat mengimarahkan alam bumi ini sepetimana yang diinginkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya.

Buat pertama kalinya, setinggi – tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Ustazah Siti Masliah Bt Mohd Nuri, selaku penyelia kepada kertas projek ini yang telah banyak meluangkan masa, tenaga dan segala idea yang telah membantu saya dalam menyiapkan kertas projek yang diamanahkan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan rasa jutaan terima kasih buat abah dan mama yang kasih sayangnya tiada penghujungnya serta ahli keluarga di atas segala sokongan, dorongan dan pandangan yang telah diberikan sedikit sebanyak bagi merealisasikan kertas projek ini.

Tidak dilupakan juga ucapan beribu terima kasih ini ditujukan kepada rakan – rakan seperjuangan, kerana sudi membantu serta memberikan bantuan dalam menyumbangkan idea dan pendapat yang berkualiti bagi menjayakan kertas projek saya.

Setinggi penghargaan yang tidak terkira juga buat semua yang terlibat samada secara langsung maupun tidak langsung dalam membantu saya menjayakan kertas projek ini. Di samping itu juga saya memohon jutaan kemaafan sekiranya terdapat kekurangan dan kekhilafan dalam menyiapkan kertas projek ini.

Akhir kata dari saya, semoga kertas projek ini dapat memberi impak kebaikan dan manfaat kepada yang sedang membaca. Salam perjuangan!

Sekian terima kasih.

Yang benar,

ANIS SYAMIMI BT BASRI

Jabatan Dakwah dan Pengurusan

Kolej Universiti Sultan Ahmad Shah

Tarikh :

ISI KANDUNGAN

BAB 1.....	8
PENDAHULUAN	8
1.1 PENGENALAN.....	8
1.2 PERMASALAHAN MASALAH.....	9
1.3 KEPENTINGAN KAJIAN.....	10
1.4 OBJEKTIF KAJIAN.....	10
1.5 PERSOALAN KAJIAN	11
1.6 LIMITASI KAJIAN	11
1.7 DEFINISI OPERASI KAJIAN.....	11
1.8 METODOLOGI KAJIAN	13
1.8.1 JENIS KAJIAN	14
1.8.2 KADEAH PERSAMPELAN	14
1.8.3 INSTRUMEN KAJIAN	15
1.8.4 KAEDAH ANALISIS DATA	15
1.9 ULASAN KEPUSTAKAAN.....	15
BAB 2.....	17
KONSEP DAKWAH DALAM UNSUR – UNSUR MEDIA.....	17
2.1 PENGENALAN.....	17
2.2 KONSEP DAKWAH FARDIYAH DALAM MEDIA MASSA	18
2.3 PENDEKATAN DAN METOD DAKWAH ISLAM MEDIA	20
2.4 PEMAHAMAN DAKWAH ISLAMIAH	21
2.5 SYARAK DARI SEGI TUNTUTAN BERDAKWAH	23
2.6 KEDUDUKAN DAKWAH DARI SEGI HUKUM ISLAM.....	25
2.7 HUKUM BERDAKWAH DALAM ISLAM.....	26
2.8 PEMBAHAGIAN DAKWAH.....	28
2.9 PERANAN MEDIA GLOBAL DALAM DAKWAH ISLAM	29
2.10 KOMUNIKASI TANPA WAYAR DENGAN ALLAH SWT	30
BAB 3.....	33
METODOLOGI KAJIAN PELUANG DAKWAH MEDIA GLOBAL	33
3.1 PENGENALAN	33

3.2	BENTUK KADEAH KAJIAN YANG DIPILIH	34
3.3	LOKASI KAJIAN	35
3.4	KAEDAH PEMILIHAN SAMPEL DAN RESPONDEN.....	36
3.5	PEMBOLEH UBAH STRATEGIS	37
3.6	INSTRUMEN KAJIAN	38
3.6.1	KAEDAH PENYELIDIKAN	38
3.6.2	TEMU BUAL.....	39
	BAB 4.....	40
	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	40
4.1	PENGENALAN	40
3.6.3	ANALISIS UMUM.....	40
4.2.	ANALISIS TERPERINCI.....	41
4.2.1	ANALISIS DATA TEMU BUAL.....	41
4.2.1. 1	BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG RESPONDEN.....	41
4.2.1. 2	BAHAGIAN B : PERSEPSI RESPONDEN TERHADAP MEDIA MASSA.....	43
4.2.1. 3	PERSEPSI RESPONDEN SECARA POSITIF TERHADAP MEDIA MASSA	44
4.2.1. 4	PERSEPSI RESPONDEN SECARA NEGATIF TERHADAP MEDIA MASSA	45
	BAB 5.....	47
	CADANGAN DAN RUMUSAN	47
5.1	CADANGAN	47
5.2	RUMUSAN	50
	RUJUKAN	51
	LAMPIRAN	52

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Dakwah merupakan kegiatan menyeru ke arah kebaikan, penghayatan ajaran dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. Melalui pengurusan dan perancangan yang strategik dalam bentuk Al – Quran dan sunnah perlulah disampaikan secara berhikmah dan teratur. Firman Allah SWT dalam surah al- Nahl, ayat 16 bermaksud : Serulah ke jalan TuhanMu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.

Ayat tersebut menuntut para pendakwah di luar untuk mengajak masyarakat dalam dunia ini ke arah kebaikan dengan pendekatan mauizatul hasanah iaitu bijaksana dan pertuturan yang sopan. Hal ini adalah maksud mauizatul hasanah dari sudut pendekatan dakwah, isi kandungan dan metodologi yang bertetapan dengan dakwah.

Menurut Burhanuddin Jalal (2008) pada asasnya Islam mampu menjawab serta mendepani segala persoalan yang dihadapi oleh umat Islam. Namun demikian, ia bergantung pada kemampuan para dai'e bebas di luar sana serta wawasan berdakwah atau organisasi dakwah dalam menguruskan sasaran dakwah. Maklumat atau pengisian dalam dakwah juga penting untuk strategi yang di inovasikan dalam cara penyampaian seseorang itu.

Justeru, media sosial sebagai alat komunikasi yang relevan pada masa kini dan sebaran di seantero dunia yang sangat menepati ciri – ciri berdakwah yang disampaikan.

1.2 PERMASALAHAN MASALAH

Pelbagai kajian yang telah dijalankan dalam bidang dakwah adalah yang berkaitan dengan media massa pada zaman kini. Antaranya ialah kaedah pembelajaran mahupun pengajaran yang berkaitan Islam secara kesinambungan telah dilakukan mengikut tradisi pada zaman sebelumnya yang penuh dengan nilai – nilai agama.

Selain itu, ruang internet yang terbuka dan bebas sehingga boleh menjadikan semua penjelasan agama begitu mudah didapati dan menyebabkan berlakunya penumpukan maklumat agama secara berlebihan yang membawa kepada masalah kebanjiran maklumat. Masalah kebanjiran maklumat ini boleh mewujudkan suasana huru hara dalam mencari maklumat serta kesalahfahaman samada yang dapat dipercayai atau sukar dipercayai. Alam media baru seperti wiki, blog atau website lain memerlukan ukuran dan metrik yang tepat untuk menentukan kewibawaan maklumat serta tanggungjawab.

Maklumat pengajaran Islam juga dilihat telah mengalami fasa ini dimana pengguna semakin dihimpit oleh timbunan maklumat agama atas talian secara tidak terkawal yang menyebabkan berlakunya kecelaruan maklumat agama yang membawa implikasi negatif terhadap isi kandungan maklumatnya yang hanya akan menjerumuskan diri dalam keadaan seseorang itu kekeliruan serta kegelapan dalam kehidupan.

Justeru, Islam adalah agama yang mementingkan adab berguru dan murid dalam menunutut sesuatu ilmu. Pengajaran dan pembelajaran Islam meletakkan masalah kepercayaan dan keyakinan diri terhadap Allah SWT sebagai tujuan utama. Kepercayaan dan keyakinan ini juga perlu direalisasikan dengan ibadah, akhlak, serta tingkah laku sosial. Pendidikan Islam memerlukan proses dan sentuhan pendidik bagi menjamin dan menjaga adab pembelajaran sesuai dengan kehendak syariat dalam memberikan pendidikan terhadap anak didik.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara umumnya, hasil kajian ini penting serta banyak membantu pendakwah bebas menyampaikan ilmunya melalui media massa kepada masyarakat yang kekosongan ilmu agama. Kajian ini juga dapat memberi inspirasi terhadap golongan pendakwah bebas dalam menegakkan agama Islam serta berkeyakinan diri sebagai khalifah Allah diatas muka ini.

Di samping itu, dengan adanya media media global ini ia dapat memperluaskan ilmu agama Islam serta dari situ juga pendakwah bebas hendaklah menyusun strategi dakwah dalam bentuk pelbagai kreativiti dan inovasi mereka. Selain itu, kajian ini juga mementingkan cara penyampaian yang menarik perhatian terhadap golongan kanak – kanak , remaja dan orang tua.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini serta sangat penting bagi menentukan hasil yang diperolehi di akhir kajian kelak. Oleh itu, kajian ini, telah menggariskan beberapa objektif kajian. Antaranya adalah :

1. Untuk menghuraikan konsep dakwah Islam secara media berdasarkan syariat Al – Quran dan Sunnah
2. Untuk mengkaji perkembangan idea inovasi media dalam masyarakat yang kosong pengetahuan teknologi massa.
3. Untuk meneliti permasalahan yang dihadapi oleh komuniti remaja pada zaman teknologi moden kini.
4. Untuk mengenalpasti kesan yang berlaku apabila kuasa viral netizen di dunia ni semakin menjadi jadi.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah konsep berdakwah dalam Islam secara media global yang boleh dikaitkan dengan syariat Al – Quran dan Sunnah ?
2. Bagaimanakah perkembangan yang dihadapi oleh masyarakat yang kekurangan ilmu pengetahuan agama melalui teknologi kini ?
3. Adakah permasalahan komuniti remaja generasi Y berpunca daripada teknologi zaman moden ?

1.6 LIMITASI KAJIAN

Dalam limitasi kajian, penulis melakukan kajian di Kampung Paya Ladang, Chenor. Kajian ini dijalankan dari 6 Julai 2020 hingga 5 Oktober 2020. Kajian yang dilakukan adalah suatu kajian ilmiah berbentuk lapangan. Skop kajian adalah tertumpu kepada dakwah Islam terhadap masyarakat serta inovasi media.

1.7 DEFINISI OPERASI KAJIAN

Tajuk : Dakwah Islam dan Inovasi Media : Peluang Terhadap Media Global Atas Dakwah Islam.

DAKWAH ISLAM : Setiap Muslim yang komited dengan ajaran Islam adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan suatu tugas yang suci dan paling mulia iaitu berdakwah. Tugas ini adalah merupakan warisan para nabi kepada umatnya untuk dilaksanakan dengan sebaik mungkin serta dengan segala keupayaan dan kemampuan yang dimiliki.

Keangungan dan kegemilangan umat Islam pada zaman silam hingga muncul sebagai *khaira ummah* ketika itu, adalah berpunca daripada kejayaan mereka yang dapat melaksanakan tanggungjawab dakwah dengan berkesan. Mereka berusaha dengan penuh kegigihan mengajak

manusia ke jalan Allah, menyeru melakukan kebaikan dan mencegah segala bentuk kemungkaran.

Dakwah Islam adalah seruan kepada ajaran agama Islam yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Sebahagian kesinambungan daripada usaha Baginda menyampaikan kandungan Islam kepada umat Baginda, para pendakwah sepanjang zaman dipertanggungjawabkan untuk memikul amanah Allah SWT ini sesudah kewafatan Rasulullah SAW.

Sesungguhnya melaksanakan tugas-tugas berdakwah adalah satu amalan yang sangat mulia. Inilah amalan para rasul dan nabi bermula dengan Nabi Adam AS. sehinggaNabi Muhammad SAW. Tiada amalan lain yang dapat menandinginya. Ini kerana matlamat di sebalik kehidupan dunia yang sementara ini adalah tidak lain dan tidak bukan melainkan sebagai ujian untuk mengetahui sejauh mana ibadah seseorang hamba itu kepada Allah SWT.

INOVASI : Ia adalah suatu pembaharuan atau perubahan yang menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik dan menyampaikan nilai baharu kepada pelanggan. Suatu ciptaan yang memberi manfaat nyata dan nilai tambah kepada keadaan sedia ada boleh dikategorikan inovasi.

Pengertian inovasi menurut para ahli antaranya yang berikut adalah merujuk daripada (Kuniyoshi Urabe). Beliau mengatakan inovasi merupakan setiap kegiatan tidak boleh dihasilkan satu kali pukul, melainkan suatu proses yang panjang dan kumulatif, meliputi banyak proses pengambilan keputusan mulai dari penemuan idea hingga ke implementasiannya di pasaran.

Kedua merujuk kepada (Van de Ven Andrew H). Inovasi adalah pembangunan dan pelaksanaan gagasan – gagasan baru oleh orang dalam jangka waktu tertentu yang dilakukan dengan pelbagai aktiviti transaksi di dalam carta organisasi tertentu. Selain itu, Everett M.

Rogers. Mendefinisikan bahawa inovasi adalah suatu idea, gagasan, amalan atau objek / benda yang disedari dan diterima sebagai suatu hal yang baru oleh seseorang atau kumpulan untuk diterima pakai.

MEDIA : Merupakan bentuk jamak dari perkataan “medium” yang berasal dari Bahasa Latin. “Medius” pula diartikan sebagai “antara” atau “sedang” sehingga pengertian media dapat dikemukakan kepada sesuatu yang penghantaran ataupun penerusan maklumat mahupun informasi (pesanan) antara sumber (pemberi pesanan) dan penerima pesanan. Media juga diartikan sebagai suatu bentuk saluran yang dapat digunakan dalam sesuatu proses pengajian maklumat

PELUANG : Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2005). Peluang ertinya ialah terhenti atau reda (angin) , senggang atau tidak sibuk (dalam pekerjaan). Pada maksud lain pula, peluang bermaksud kelapangan, kesempatan : ia memberanikan hatinya mengambil.

MEDIA GLOBAL : Fenomena yang menjadikan dunia kelihatan kecil dari segi perhubungan manusia disebabkan pantasnya perkembangan dunia teknologi maklumat. Dalam era sekarang ini, kita lebih terdedah atau meluas sesuatu aktiviti ekonomi, kebudayaan, perniagaan, dan sebagainya sehingga ke peringkat dunia.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Daripada kajian yang dilakukan, dapat kita mengenalpasti bahawa metodologi kajian adalah sangat penting dalam sesuatu penyelidikan supaya bukti kajian yang dilakukan adalah benar dan tiada penyelewengan antara mana – mana pihak. Oleh itu, dalam kajian ini, penulis telah menyatakan metodologi kajian yang bertepatan dan kaedah – kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat melalui kaedah tersebut. Antaranya ialah :

1. Jenis Kajian

2. Kaedah Persampelan
3. Instrumen Kajian
4. Teknik Penganalisis Data

1.8.1 JENIS KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi kajian kuantitatif iaitu kajian secara perpustakaan yang tidak melibatkan aktiviti di luar. Kajian tersebut lebih menjimatkan masa dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Walau bagaimana pun, cara ini adalah terhad dari segi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian memandangkan kajian ini bergantung kepada bahan – bahan rujukan di perpustakaan. Tambahan pula, kajian ini juga memerlukan hak bersuara daripada responden untuk memberikan lagi penjelasan keberkesanan media sosial terhadap pendakwah dan mad'u. Namun begitu, metodologi kajian ini dirasakan paling sesuai bagi menjalankan penyelidikan tersebut.

1.8.2 KADEAH PERSAMPELAN

Kajian ini hanya tertumpu terhadap pendakwah kepada masyarakat Islam atau bukan Islam dengan menggunakan strategi dakwah secara online yang bersesuaian dengan penyampaian kepada mereka. Kajian ini juga menjuruskan kepada masyarakat dari golongan kanak – kanak, remaja, mahupun yang berusia.

Antaranya ialah dari golongan kanak – kanak pula terbahagi kepada dua iaitu pendidikan awal kanak – kanak secara normal atau istimewa (pendidikan khas). Begitu juga dengan golongan remaja samada lelaki mahupun perempuan serta masyarakat yang berusia umurnya. Secara umumnya, agama Islam mempunyai banyak cabang dan penyelidik membuat kajian secara keseluruhannya.

1.8.3 INSTRUMEN KAJIAN

Penyelidik menggunakan bahan bacaan daripada perpustakaan. Antaranya ialah buku daripada Mejar (B) Mohammad Qayyum A. Badaruddin (Mac 2017). Yang berjudul Usrah Lolipop . Casamas Resources Sdn Bhd .

1.8.3 KAEDEH ANALISIS DATA

merujuk kepada buku – buku yang berkaitan dengan kajian.

1.9 ULASAN KEPUSTAKAAN

Kajian ini dilakukan dengan berpandukan beberapa sumber yang dibuat oleh penyelidik. Antara sumber yang telah dirujuk ialah seperti buku “PENDIDIKAN ISLAM FALSAFAH, PEDAGOGI DAN METODOLOGI oleh Ahmad Mohd Salleh.

Menurut dalam buku pendidikan Islam falsafah, pedagogi dan metodologi yang dikeluarkan oleh Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd pada tahun 1997 menitipkan konsep pendidikan Islam mempunyai kedudukan yang suci dan sangat penting. Ia menjadi bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari Islam dan merupakan satu ibadat yang besar. Kedudukan dan kepentingan pendidikan Islam itu amat jelas apabila kita meneliti ayat Al – Quran yang pertama diturunkan. Ia juga tidak dimulai dengan perintah yang berhubung dengan perkara lain seperti ibadat tetapi dimulakan dengan perintah yang berhubung dengan pendidikan

USRAH LOLIPOP, oleh Mejar (B) Mohammad Qayyum A. Badaruddin. Menurut dalam buku usrah lolipop yang diterbitkan oleh Casamas Resources Sdn Bhd pada tahun 2017.

Dari segi bahasa, usrah adalah keluarga. Maksud usrah pada abad ke 21 ini telah di terkenal oleh Imam Hassan Al – Banna sebagai satu unit kecil untuk membentuk individu muslim. Disamping itu, usrah bukan hanya tempat untuk menuntut ilmu akan tetapi ia juga merupakan tempat kita berukhuwah.

Contohnya, di kilang motor. Di situ, orang tak naik motor. Di situ tempat motor diproses. Dari besi yang besar , keras serta tidak bewarna , ia diketuk , dipanaskan , dileburkan, dicairkan, di pandu uji, dibentuk acuan, dan kemudian barulah dicat. Besi itu dipasangkan pula dengan pentil tubeless, tayar, handle motor dan sebagainya. Setelah proses ‘tarbiyah’ itu berlaku, barulah sebuah motor yang canggih dan pelbagai jenama dipasarkan. Berebut – rebutlah manusia memuji kemantapan motor tersebut. Hal itu juga, jika proses pembuatannya teliti, kalau sambil lewa maka motor yang yang dipasarkan tidak berkualiti akan terhasil.

BAB 2

KONSEP DAKWAH DALAM UNSUR – UNSUR MEDIA

2.1 PENGENALAN

Dakwah adalah satu kewajiban bagi setiap Muslim dan muslimah di setiap masa. Apalagi pada zaman sekarang, umat Islam sedang menghadapi tentangan secara bertubi – tubi dari musuh – musuh Islam. Oleh demikian itu, tingkatkan kewajiban berdakwah pada zaman sekarang menjadi lebih berat. Bahkan pula, kita juga harus mengetahui bahawa mengajak manusia ke jalan Allah SWT merupakan suatu amali yang bukan mudah.

Dakwah pada hakikatnya merupakan kewujudan bab nilai – nilai ajaran Islam ke dalam tata kehidupan umat manusia dengan tujuan mewujudkan umat yang terbaik (khairul ummat) yang diredhai oleh Allah SWT. Sasarannya adalah mewujudkan peribadi yang baik (khairul nafsiyah), keluarga (khairul usrah) dan masyarakat (khairul mujtama'). Tercapainya tiga sasaran tersebut, maka akan tercapailah tujuan dakwah Islam itu sendiri.

Hal ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara di antaranya melalui dakwah fardiyah. Dakwah fardiyah adalah dakwah yang dilaksanakan secara ‘face to face’. Mampu menasihati, mendekati hati dan memfokuskan diri untuk memperbaiki seseorang. Banyak pengalaman orang lain dalam mendidik orang melalui dakwah fardiyah. Dan terkadang memang melakukan dakwah fardiyah memerlukan usaha tersendiri. Hal ini juga konsep dakwah fardiyah perlulah dilakukan oleh media sosial pada zaman teknologi kini.

Interaksi media sosial dengan agama, ia jelas menunjukkan peningkatan tindak balas daripada masyarakat sekarang yang telah menyamarakkan aktiviti berdakwah seperti ini. Pada era teknologi moden kini dan informasi yang ralat dengan luasnya media ini, yang mana perkembangannya telah menjadikan dunia pada saat ini seperti ‘tanpa halangan’ atau dengan kata lain dunia ini boleh disebut sebagai ‘kamupung kecil’ dan boleh juga dikatakan trending

viral menviral semakin manjadi - jadi. Hal ini kerana saluran informasi terkini boleh didapati walau dimana kita berada samada tinggal dibandar mahupun dipedalaman. Bahkan penyampaian melalui saluran tersebut begitu cepat serta pantas tanpa ada yang mampu menghalanginya.

Begitu juga, produk dakwah yang diterbitkan dengan jelas, mudah difahami serta lebih kreatif dan inovatif. Implikasi gerak kerja dakwah melalui teknologi dan dakwah siber melalui profileman, pengiklanan, hiburan, humor dan sebagainya, amat membantu dalam penyampaian mesej dakwah secara berkesan. Pendekatan digunakan menyentuh realiti kehidupan masyarakat dan menjawab persoalan semasa masyarakat dalam institusi kekeluargaan, pengukuhan jati diri remaja, hubungan pelbagai kaum antara agama, resam budaya, muamalah, sistem ekonomi semasa serta pendidikan berbentuk Islam, semuanya ditonjolkan secara santai yang memperlihatkan Islam dari sudut universal dan praktikal.

2.2 KONSEP DAKWAH FARIDIYAH DALAM MEDIA MASSA

Dakwah Fardiyah adalah dakwah interpersonal iaitu dakwah kepada mad'u (objek) berdakwah hanya kepada seorang. Dengan kata lain, dakwah fardiyah adalah proses ‘mengubah’ mad'u seorang diri supaya ke arah yang lebih baik. Tujuan dakwah fardiyah adalah mewujudkan seseorang individu itu agar sentiasa menjadi hamba yang selalu berada di jalan Allah SWT.

Dalam proses dakwah fardiyah, seorang dai'e perlu berusaha lebih dekat untuk mengenali mad'u, menyertai dan membina persaudaraan dengannya kerana Allah SWT. Dalam persahabatan ini, dai'e berusaha membawa mad'u kepada keimanan, ketaatan, kesatuan dan komitmen pada sistem kehidupan Islam dan adab – adabnya yang menghasilkan sikap tolong – meolong dalam kebaikan dan ketakwaan. Seterusnya, membiasakan dirinya untuk melakukan amar ma'ruf nahi mungkar. Merujuk kepada ilmu komunikasi, dakwah fardiyah sangat berkesan dengan dakwah interpersonal atau dakwah secara peribadi.

Sirah telah merakamkan pendekatan santai Rasulullah SAW menyantuni masyarakat gelandangan di sudut pasar Kota Madinah al-Munawwarah. Diriwayatkan setiap orang yang menghampiri pengemis Yahudi buta itu, akan diingatkan: “Wahai saudara – saudari, jangan dekati Muhammad, dia orang gila, pembohong, tukang sihir. Apabila mendekatinya, kamu semua akan dipengaruhinya”.

Namun, setiap pagi Rasulullah SAW membawa makanan dan tanpa berkata sepatah kata, Baginda menuapkan makanan yang dibawanya kepada pengemis itu walaupun dia selalu berpesan kepada sesiapa sahaja supaya tidak mendekati orang bernama Muhammad. Rasulullah SAW melakukannya hingga menjelang kewafatan Baginda. Selepas Baginda wafat, tiada lagi orang yang membawakan makanan setiap pagi kepada pengemis buta itu.

Suatu hari Saidina Abu Bakar RA berkunjung ke rumah Sayyidatina Aisyah RA. Beliau bertanya: “Wahai anakku, adakah sunnah kekasihku (Rasulullah) yang belum ayah lakukan? ” Aisyah RA menjawab: “Wahai ayahku, engkau adalah seorang ahli sunnah, hampir tiada satu pun yang belum ayahanda lakukan kecuali satu sunnah sahaja”. “Apakah itu? ”: Abu Bakar RA bertanya. Setiap pagi Rasulullah SAW selalu pergi ke hujung pasar dengan membawa makanan untuk seorang pengemis Yahudi yang buta. “Dia ada di sana”. Sayyidatina Aisyah RA berkata. Keesokan harinya Saidina Abu Bakar RA pergi ke pasar dengan membawa makanan untuk diberikannya kepada pengemis itu. Beliau mendekati pengemis itu dan memberi makanan kepadanya. Ketika Saidina Abu Bakar RA mula menuapnya, si pengemis itu marah dan berteriak: “Engkau siapa! ” Saidina Abu Bakar RA menjawab: “Saya orang yang biasa. “Bukan! engkau bukan orang yang biasa mendatangiku,” jawab si pengemis tua itu. Apabila dia datang tidak susah tangan ini memegang dan mulut ini mengunyah.

“Orang yang biasa mendatangiku selalu menuapku dengan lembut,” pengemis itu meneruskan kata – katanya. Saidina Abu Bakar RA tidak dapat menahan air mata. Beliau

menangis sambil berkata kepada pengemis itu: “Saya memang bukan orang yang biasa datang kepadamu. Saya adalah sahabatnya, orang yang mulia itu telah tiada. Dia adalah Nabi Muhammad SAW” kata Saidina Abu Bakar RA.

Lalu pengemis itu turut menangis selepas mendengar cerita Saidina Abu Bakar RA. Kemudian dia bertanya: “Benarkah begitu? Selama ini aku menghinanya, memfitnahnya, namun dia tidak pernah memarahiku. Malah dia mendatangiku dengan membawa makanan setiap pagi. Dia begitu mulia”. Pengemis buta itu akhirnya mengucap dua kalimah syahadah di hadapan Saidina Abu Bakar RA. Lihatlah, bagaimana kesabaran dan kasih sayang mampu membawa seseorang ke jalan kebenaran. Tanpa kesabaran dan kasih sayang, pasti sukar untuk berdakwah. Inilah akhlak Rasulullah SAW yang menggambarkan Islam sebagai budaya kehidupan

(Mejar (B) Mohammad Qayyum Bin Badaruddin, 2017).

2.3 PENDEKATAN DAN METOD DAKWAH ISLAM MEDIA

Setidaknya, terdapat tiga pendekatan yang dapat dilakukan oleh dai'e dalam memahami keberadaan mad'unya, iaitu mahfum kurabi (kedekatan), mahfum hsjsti (keperluan), mahfum tanzhimi (pengelolaan). Antara yang berikut adalah sepetimana dibawah

Pertama, mahfum kurabi iaitu usaha seorang dai'e agar lebih dekat mengenal mad'u dalam usaha untuk mengajak dirinya ke jalan Allah SWT. Dengan demikian, diharapkan dengan adanya kedekatan dai'e dengan mad'u tersebut, maka automatik dai'e akan lebih mudah mengenali kepribadian dan sifat budinya.

Kedua, mahfum hajati iaitu usaha dai'e selain adanya pendekatan juga mampu memahami keperluan dasar mad'u yang sebenarnya. Maka, tugas dai'e dengan semaksima mungkin dapat memenuhi keperluan madu'nya.

Ketiga, mahfum tanzhimi iaitu keupayaan pengelolaan dan pembinaan dai'e terhadap seorang mad'u dengan cara memberikan pengarahan (ta'lim), mempraktikkan (tauzif) dan dipertimbangkan atau menilai (taujih).

Sedangkan metode yang dilakukan oleh dai'e dalam proses dakwah terhadap mad'unya antara yang lain seperti berikut adalah dengan lisan (bil al-lisan) iaitu berdakwah dengan cara ceramah, tausiyah (menasihati), berdialog, diskusi, seminar dan sebagainya.

Disamping itu ialah dengan tulisan (bil al-kitabah) iaitu berdakwah dengan cara menulis surat, karikatur, lukisan, artikel, berita dan lain – lain. Selain itu dengan perbuatan (bil al-hal) iaitu berdakwah dengan cara memperagakan, demontrasi, keteladanan, mempraktikkan, dan lainnya.

Dalam proses dakwah secara media massa ini, seorang dai'e perlulah berusaha dengan lebih dekat untuk mengenal mad'u, menyertainya dan membina persaudaraan dengannya kerana Allah SWT. Dalam persahabtan ini, dai'e hendaklah berusaha membawa mad'u kepada keimanan, ketaatan, kesatuan dan komitmen pada system kehidupan Islam dan adab – adabnya yang menghasilkan sikap tolong – menolong dalam kebaikan, ketakwaan serta membiasakan seseorang itu untuk melakukan perbuatan amar ma'ruf dan menjauhi perbuatan mungkar yang melanggar syariat Allah SWT. Sehingga, dia menjadi seorang Muslim yang sejati iaitu seorang Muslim yang beriman, berilmu pengetahuan, beramal soleh, dan perilaku yang baik (Mejar (B) Mohammad Qayyum Bin Badaruddin, 2017).

2.4 PEMAHAMAN DAKWAH ISLAMIAH

Dakwah bererti menyeru dan memanggil sama ada kepada yang hak atau batil. Dari segi istilah pula bermaksud menyeru dan memanggil ke jalan Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud

“Katakanlah inilah jalan (agama)ku, aku dan orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan yakin, Maha Suci Allah dan aku tidak termasuk orang – orang musyrik”...

Disamping itu, tugas dakwah yang diberikan kepada para anbiya' ini telah dirumuskan sebagai tugas Rasulullah SAW sepetimana yang difirmankan oleh Allah SWT :

"Wahai Nabi,kami telah mengutus engkau sebagai saksi dan pembawa khabar gembira, dan pemberi peringatan juga untuk menjadi penyeru (dai'e) kepada (agama) Allah dengan keizinan-Nya untuk menjadi cahaya yang menerangi". (Al-Ahzab : 45-46)

Maksud firman Allah SWT lagi :

"Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru ke jalan Allah, mengerjakan amal soleh dan berkata 'Sesungguhnya, aku termasuk dalam orang – orang yang menyerah diri (muslimin)'. " (Fussilat : 33)

(Mejar (B) Mohammad Qayyum Bin Badaruddin, 2017)

2.5 SYARAK DARI SEGI TUNTUTAN BERDAKWAH

Syarak menuntut dakwah dilaksanakan atas beberapa sebab antaranya ialah

- i. Untuk menyelamatkan diri dari azab Allah SWT.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya, orang – orang yang dimatikan malaikat dalam keadaan menganiaya diri sendiri (kepada mereka) malaikat bertanya, 'Dalam keadaan bagaimana kamu ini ?' Mereka menjawab, 'Adalah kami orang yang tertindas di bumi (Mekah). 'Para malaikat berkata, 'Bukankah, bumi Allah itu luas sehingga kamu dapat berhijrah ke bumi itu? Orang itu tempatnya di neraka Jahannam dan jahannam itu seburuk – buruk tempat kembali'. " (An-Nisa':97)

ii. Untuk menyelamatkan ummah

Tujuan musuh – musuh Islam adalah untuk melemahkan umat Islam sendiri. Mereka sentiasa berusaha menutup kebenaran dan menegakkan kebatilan. Sekiranya tidak ditentang, maka akan meluaslah kerosakan kepada seluruh umat. Apabila Allah SWT menurunkan azab-Nya ke atas kaum yang zalim dan ingkar, ia akan meliputi seluruhnya tanpa membezakan di antara yang zalim dengan yang soleh. Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Dan peliharalah dirimu dari seksaan yang tidak khusus menimpa orang yang zalim sahaja di antara kamu. Dan ketahuilah bahawa Allah amat keras seksaanNya.” (Al-Anfal : 25)

iii. Untuk memenuhi sifat mukmin sejati

Allah SWT menyifatkan orang yang beriman sebagai umat yang terbaik dilahirkan dalam kalangan manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk umat manusia, menyerah kepada yang ma’aruf dan mencegah daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah.” (Ali-Imran : 110)

iv. Untuk membezakan diri dari golongan munafik

Allah SWT menjelaskan hakikat orang munafik dalam firman-Nya :

“Orang munafik lelaki dan perempuan, sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain adalah sama. Mereka menyuruh berbuat mungkar dan melarang berbuat ma’aruf..” (At-Taubah : 67)

v. Untuk mewarisi jalan Rasulullah SAW

Allah SWT telah memuliakan Rasulullah SAW dengan memberikan kepadanya beberapa sifat utama di antaranya, firman Allah SWT bermaksud :

“Wahai Nabi, kami telah mengutuskan engkau sebagai saksi dan pembawa khabar gembira, pemberi peringatan dan untuk menjadi penyeru (dai’e) kepada agama Allah dengan keizinan-Nya untuk menjadi cahaya yang menerangi.”(Al-Ahzab : 45-46)

6. Untuk memenuhi keutuhan ummah

Keutuhan umat Islam akan terjamin sekiranya mereka saling tolong – menolong untuk mencapai kebaikan, salig berpesan dengan kebenaran dan kesabaran, berpegang kepada yang hak serta bantu – membantu antara satu sama lain bagi membanteras kejahanan (Mejar (B) Mohammad Qayyum Bin Badaruddin, 2017).

2.6 KEDUDUKAN DAKWAH DARI SEGI HUKUM ISLAM

Dakwah merupakan perkara yang amat menitikberatkan dalam Islam. Hal ini kerana apabila dakwah tidak terlaksana, maka manusia akan berada di bawah kekuasaan jahiliyah dan membawa manusia jauh dari jalan kebenaran. Maka, berlakulah kesesatan di atas muka bumi Allah SWT. Hal ini diberitakan oleh Allah SWT dalam Al-Quran sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

“Dan sekiranya kamu mengikut kebanyakan orang yang berada di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Mereka tidak lain hanya mengikut sangkaan mereka belaka dan tidak lain hanyalah berdusta (kepada Allah).(AL-An’am : 116)

Orang yang tidak berpegang kepada agama akan berasaskan diri mereka sentiasa berada di dalam kebenaran. Segala keputusan mereka dibuat berdasarkan hawa nafsu dan dorongan iblis

serta syaitan. Oleh itu, dakwah islamiyyah harus dijalankan bagi memastikan dan membanteras maksiat serta jahiliyyah di zaman ini. Telah menjadi satu kemestian yang bersifat fardhu ke atas umat Islam untuk melaksanakan dakwah Islamiyyah (Mejar (B) Mohammad Qayyum Bin Badaruddin, 2017).

2.7 HUKUM BERDAKWAH DALAM ISLAM

1. FARDHU KIFAYAH

Hukum berdakwah adalah fardhu kifaya. Sebahagian besar ulama' mengatakan bahawasanya menyeru dan berdakwah kepada Islam adalah sebahagian daripada tuntutan fardhu kifayah ke atas masyarakat Islam.

Hal ini berdasarkan ayat Al-Quran adalah "*Dan hendaklah ada diantara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyeru kepada ma'aruf dan mencegah dari kemungkaran dan merekalah orang yang berjaya.*"

2. FARDHU AIN

Sesetengah ulama' mengatakan bahawa melaksanakan dakwah adalah fardhu ain mengikut kadar kemampuan.

Ibn Hazm berkata : "*Menyuruh kepada ma'aruf dan mencegah dari kemungkaran adalah dua fardhu yang ditetapkan ke atas setiap orang Islam mengikut kadar kemampuannya. Jika tidak mampu dengan tangan (kuasa), maka laksanakanlah dengan lidah. Jika tidak mampu, laksanakanlah dengan hati sahaja.*"

Dari sabda Rasulullah SAW pula : "*Barangsiapa dari kamu yang melihat kemungkaran, maka ubahlah kemungkaran tersebut dengan tangannya. Jika tidak mampu maka ubahlah dengan lidahnya, jika tidak mampu lagi, ubahlah dengan hatinya. Dan itulah selemah – lemah iman*" (Mejar (B) Mohammad Qayyum Bin Badaruddin, 2017)

2.8 RUKUN – RUKUN BERDAKWAH

1. Dai'e

Mereka yang menyeru kepada Islam. Mereka perlulah mempunyai pemahaman yang jelas mengenai Islam dan hendaklah dari golongan yang mengamalkan Islam sepenuhnya. Sebagai contoh dai'e islah seperti guru , penceramah , ulama' orang yang berilmu dan kita sebagai hamba Allah ini juga lah para pendai'e di atas muka bumi ini.

2. Mad'u

Mereka diseru kepada Islam. Para dai'e perlulah menilai dan mengkaji mad'u mereka sebelum menjalankan dakwah. Hal ini penting agar dakwah menjadi lebih berkesan. Para mad'u pula perlulah bersedia untuk ditarbiyah dan didakwah. Mad'u pula contohnya ialah orang yang mendengar sesuatu ilmu oleh dai'e.

3. Maudhu'

Perkara yang disampaikan untuk menyeru kepada Islam. Maudhu'perlulah tidak bercanggah dengan syarak dan mengandungi nasihat saerta pengajaran yang baik. Maudhu' juga perlu bersesuaian dengan keadaan mad'u. Cara , uslub, atau skill penyampaian dakwah hendaklah bersesuaian mengikut keadaan mad'u sama ada tarhib, targhib atau ta'dib.

Disamping itu juga , maudhu' yang disampaikan oleh dai'e boleh melalui penggunaan media massa. Penggunaan IT seperti telefon, televisyen, radio dan sebagainya dapat meluaskan kuasa viral dengan pantas. Namun demikian, aplikasi yang tengah ‘trending’ pada zaman kini ialah ‘TikTok’, Instagram , Twitter , Facebook dan juga Whatapps. Dengan aplikasi tersebut maudhu' yang disampaikan dengan cepat (Mejar (B) Mohammad Qayyum Bin Badaruddin, 2017).

2.9 PEMBAHAGIAN DAKWAH

Dakwah merupakan satu cabang ilmu yang menuntut kepada kebijaksanaan. Para ulama' mencari jalan untuk memastikan dakwah yang dijalankan mampu diterima oleh mad'u dan mampu memberikan kesan yang baik terhadap dai'e dan mad'u. Secara umumnya, ulama' menggariskan beberapa cara dan kaedah dalam berdakwah iaitu :

- i. Dakwah umum : Dakwah melalui cara ini dilaksanakan oleh dai'e terhadap mad'u dalam bilangan yang besar. Contohnya dalam perlaksanaan majlis tazkirah, majlis forum dan ceramah.
- ii. Dakwah fardiyyah : Dakwah yang dilaksanakan oleh dai'e terhadap mad'u dalam kuantiti yang sedikit. Cara ini dikatakan merupakan cara yang paling berkesan terhadap mad'u.
- iii. Dakwah bil hal : Iaitu dakwah yang ditunjukkan oleh dai'e dalam perkara kebaikan, bertujuan agar ianya menjadi ikutan. Cara ini lebih diterima oleh mad'u kerana ia bukan dalam bentuk paksaan. Contohnya perlaksanaannya ialah dengan cara ziarah – menziarahi, memberikan nasihat sesama kawan, ahli usrah atau melakukan segala perbuatan amar ma'aruf.

Namun begitu, untuk memberikan kesan yang lebih baik dan berkesan adalah dakwah hendaklah dilakukan secara tersusun dan mengikut keperluan semasa. Perlunya dakwah digerakkan dibawah satu sistem yang baik dan dilaksanakan secara berjemaah. Jemaah dakwah inilah yang akan menjamin keberkesanan dakwah Islamiyyah. Pesan Saidina Ali RA , “Jemaah yang tidak bersistem akan ditewaskan oleh Jemaah yang bersistem” (Mejar (B) Mohammad Qayyum Bin Badaruddin, 2017).

2.10 PERANAN MEDIA GLOBAL DALAM DAKWAH ISLAM

Media adalah peranan penting dalam proses komunikasi pada masa kini dan secara umumnya media juga telah menjadi perantaraan komunikasi Islam sebagai saluran komunikasi media terhadap manusia. Ia juga dapat menyampaikan idea, maklumat, mesej dan berdakwah secara ‘online’. Menurut Ghazali (2008) , media dan komunikasi mempunyai banyak persamaan dalam usaha menyampaikan sesuatu gambaran dan maklumat.

Disamping itu, media juga bukan sahaja sebagai asas penyebaran maklumat dan komunikasi semata – mata malah ia juga berperanan sebagai sumber hiburan, sumber motivasi, sumber kesukunan, sumber masakan, sumber kecantikan dan sebagainya. Hal ini bahawa, teknologi media zaman kini adalah tempat perkongsian ilmu pengetahuan dan maklumat atas talian yang pelbagai bentuk dan menghasilkan seseorang mahir dalam komunikasi IT tersebut.

Tambahan pula, media juga adalah sesuatu bahan perantaraan sistem komunikasi antara seorang dai’e dengan seorang mad’u atau sekelompok mad’u. Keberkesanan efektif yang dapat kita terapkan adalah sesuatu alat, metod atau teknik yang digunakan dalam sistem saluran komunikasi seperti internet moden dapat meningkatkan tahap kegiatan proses pembelajaran interaksi komunikasi secara online antara dai’e dan juga mad’u. Penyampaian yang dilakukan mestilah mengikut kesesuaian umur atau trend dari semasa ke semasa agar apa yang disampaikan itu secara tidak lansung terus memberi manfaat kepada orang lain.

Menurut Najidah Zakariya (2013) manusia diciptakan oleh Allah SWT dengan kemampuan untuk berfikir. Dengan anugerah akal yang diberikan, manusia perlu berusaha menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berubah – ubah termasuk penciptaan teknologi maklumat yang dapat membantu dari segi aspek kehidupan sekarang. Oleh itu juga, manusia telah pun menjadikan media kini adalah sebahagian daripada kehidupan mereka.

Kita sering bertanya – tanya apa kaedah berdakwah yang berkesan pada abad 21 terhadap generasi Z kini. Maka tercetuslah bahawa kaedah penyampaian dalam bentuk media sosial adalah sangat aktif di tahun 2020. Begitu juga, melalui media sosial dikabarkan sangat efektif disebabkan masa , tempat , situasi , keadaan yang tidak terbatas . Media sosial merupakan salah satu cara dalam menyebarkan dakwah yang relevan kepada komuniti zaman kini serta berkesan untuk pendakwah bagi menyalurkan penyampaiannya kepada sasaran dakwahnya (Noradilah Bt Abd Wahab, 2020).

2.11 KOMUNIKASI TANPA WAYAR DENGAN ALLAH SWT

Solat dan berdoa adalah contoh komunikasi dengan Allah SWT. Ia juga adalah tanpa wayar denganNya malah jauh lebih gah berbanding internet. Manusia tidak perlu membuka hotspot, membayar bil, membeli pin topup telefon atau mempunyai modem untuk berkomunikasi dengan Allah SWT. Ia hanya melakukan dengan perintah yang disuruh oleh Allah SWT iaitu solat dan meminta doa di mana – mana sahaja di atas muka bumi yang luas ini. Namun kita sebagai hambaNya dapat berhubung mahupun komunikasi secara terus dengan Allah SWT. Hal ini adalah satu keajaiban yang berlaku daripada zaman Nabi Adam as lagi sehingga kini.

Semasa berdoa kepadaNya, kita bercakap dan Allah SWT mendengar segala yang diperkatakan oleh setiap hambaNya. Kita merayu, Allah mendengar. Kita menangis, Allah mendengar. Kita berdoa dan meminta doa, Allah tidak pernah jemu mendengar. Kita memohon taubat dariNya sehingga kita dicabut nyawa olehnya, Allah SWT juga mendengar dan terus mendengar kerana Allah SWT bersifat ﷺ iaitu Maha Mendengar. Di dunia tanpa wayar ini, manusia memerlukan Tuhan bagi mendengar rayuan, keluhan, doa seterusnya meminta memperkenankan doa.

Nabi Muhammad SAW telah menyatakan doa adalah senjata orang – orang beriman. Doa juga adalah senjata yang unik dan mustajab dalam menangani fitnah. Senjata ini bukan sahaja untuk menyerang orang lain bahkan ia ialah senjata yang dapat memberi kekuatan, ketenteraman, ketenangan jiwa, serta berkeyakinan diri terhadap diri empunya senjata. Disamping itu, Allah SWT suka orang yang meminta – minta doa daripada hamba – hambaNya.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكُ فَعْلَ الْخَيْرَاتِ، وَتَرْكَ الْمُنْكَرَاتِ، وَحُبَّ الْمَسَاكِينِ، وَإِذَا أَرَدْتَ بِعِبَادِكَ فِتْنَةً فَاقْبِضْنِي إِلَيْكَ غَيْرَ مُفْتَنٌ .

Maksudnya : “Ya Allah, sesungguhnya aku bermohon padaMu dapat melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran, agar aku mencintai orang miskin dan seandainya Engkau ingin menurunkan kepada hamba – hambaMu fitnah, maka cabutlah nyawaku dalam keadaan tidak terfitnah.”

(Riwayat at Tirmidzi dan Ahmad)

Apabila berdoa, kita perlulah menjaga adab – adab terhadapNya. Doa mestilah mempunyai puji – pujian kepada Allah SWT dan salam ke atas Rasulullah SAW, keluarga baginda, dan sahabat – sahabat baginda. Selain daripada itu, sekiranya kita tidak makan makanan yang haram seperti daging khinzir, arak dan sebagainya namun doa yang diminta lebih mudah diperkenankan apabila dilakukan pada waktu atau ditempat yang tertentu serta dalam keadaan tertentu.

Disini adalah waktu atau masa berdoa yang dimakbulkan oleh Allah SWT. Antaranya ialah yang berikut :

- i. Berdoa di dalam Kaabah, di Safa dan Marwah dan di seluruh Masjid al – Haram. Ada yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW berdoa dengan begitu lama di Bukit Safa dan Marwah.

- ii. Berdoa semasa Hari Arafah iaitu hari yang Allah SWT tidak menolak sebarang permintaan daripada hamba – hambanNya.
- iii. Berdoa semasa sepertiga malam terakhir di bulan Ramadhan.
- iv. Berdoa semasa Lailatulqadar.
- v. Berdoa semasa mendengar ayam berkokok.
- vi. Berdoa antara azan dan iqamah.
- vii. Berdoa semasa dua bala tentera bertempur di medan perang.
- viii. Berdoa ketika solat
- ix. Berdoa semasa meminta taubat kepadaNya.
- x. Berdoa setelah selesai berwudhu'
- xi. Berdoa ketika berlakunya hujan lebat
- xii. Berdoa sebelum minum air zamzam dan sebagainya.

Sesungguhnya doa itu hanyalah kepada Allah SWT Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Sandarlah segala permintaan dan hajat kepadaNya yang Maha Esa. Bukan kepada benda lain atau makhluk yang tidak mepunyai apa – apa kuasa termasuk jin, bomoh, tukang tilik, ahli sihir, pokok, matahari dan sebagainya. Berdoa dengan penuh yakin juga adalah satu sebab doa dimakbulkan oleh Allah Taala.

Namun kita sebagai hambaNya hendaklah yakin dengan bantuan Allah SWT. Seorang mukmin yakin Allah SWT pasti akan menolongnya dan Allah SWT tidak pernah memungkiri janji. Allah Taala berfirman :

حٰتَىٰ إِذَا اسْتَيْعَسُ الرَّسُولَ وَظَنُوا أَنَّهُمْ قَدْ كَذَبُوا جَاءُهُمْ نَصْرًا فَنَجَّىٰ مِنْ نَّشَأَ

Maksudnya : “Tatkala para Rasul berasa putus asa dan mereka menganggap mereka didustakan , maka datanglah pertolongan Kami akan selamatkan sesiapa yang Kami kehendaki.”

(Surah Yusuf 12 : 110)

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN PELUANG DAKWAH MEDIA GLOBAL

3.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang metodologi kajian yang dilakukan oleh penulis dalam melaksanakan kajian ini. Salah satu peranannya ialah dapat memberi penjelasan yang teliti bagaimana sesuatu kajian tersebut dijalankan, pelbagai data dianalisis serta memperolehi daripada mana – mana sumber bagi maklumat yang dicari adalah tepat.

Perkara – perkara yang diambil dalam bab ini antaranya ialah kaedah kajian yang dilakukan, lokasi kajian, kaedah pemilihan sampel kajian, kaedah penyelidikan maklumat, instrument kajian, kaedah pengumpulan kajian, serta kaedah pengestrak data. Hal ini dapat memanipulasikan maklumat – maklumat yang dikajikan oleh penulis dengan bentuk yang digunakan.

Kaedah metodologi kajian bagi tajuk peluang terhadap media global atas dakwah Islam mestilah yang berkaitan dengan sesuatu penyelidikan yang teliti jawapannya ataupun masalah yang dihadapi oleh masyarakat sekeliling mengetahui keadaan yang berlaku sekarang. Disamping itu, ia juga hendaklah bersesuaian dengan tajuk kajian yang dijalankan dan tidak menokok tambah maklumat jikalau tidak sahih data yang dipantaunya.

Pada zaman 2020 kini, golongan para remaja banyak menghadapi masalah kekeliruan dalam agama Islam walaupun agama tersebut adalah agamanya sendiri sejak lahir. Mereka berkecimpung serta bergaul dengan pelbagai budaya barat dan sosial media. Jadi, disinilah kita sebagai pendakwah memberitahu atau mengajak mereka melakukan kebaikan yang telah diajarkan oleh Nabi kita iaitu Nabi Muhammad SAW dan yang diperintahkan oleh Allah SWT.


Wujudnya pendakwah kecil ini dapat membantu khlayak ramai berminat dengan pahala dan meninggalkan sedikit demi sedikit perbuatan neraka. Oleh itu, penggunaan media sosial juga adalah salah satu cara tarikan terhadap golongan para remaja generasi Z kini. Ia dapat melakukan dengan pelbagai bentuk serta kreativiti seorang pendakwah itu.

3.2 BENTUK KAEDEH KAJIAN YANG DIPILIH

Daripada kajian yang dijalankan, ia adalah sangat penting bagi setiap penulis yang mengkaji sesuatu penyelidikan. Ia juga adalah panduan bagi memastikan objektif kajian yang dijalankan tercapai sejurus menjawab persoalan kajian yang diselidiki. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan teknologi media global sebagai inspirasi kepada pendakwah bebas yang membawa masyarakat diluar sana untuk bangkit ke arah kebaikan ataupun sebaliknya kesan.

Penulis telah membuat perbandingan penggunaan dua kaedah kajian penyelidikan iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Oleh itu, bentuk kaedah kajian yang paling setaraf untuk kajian ini ialah kajian berbentuk kaedah individual. Disamping itu, metodologi kajian dibuat dengan menggunakan pendekatan kaedah percampuran iaitu kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif yang diguna pakai oleh penulis dalam kajian ini untuk mengumpul data ialah melalui instrument kajian yang telah dinyatakan dibahagian proposal ini.

Tambahan daripada itu, penulis menggunakan pendekatan kaedah kualitatif untuk menemubual beberapa responen yang terdekat dan memerhati sekeliling kawasan yang diduduki untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian yang didapati. Menurut penulis, kedua – kedua kaedah yang digunakan dapat memberi maklumat yang tepat dan jelas serta berpotensi memenuhi kehendak soalan yang telah ditugaskan oleh penulis.



Rajah 3.2 : Bentuk kaedah kajian yang dilakukan oleh penulis kajian ini

3.3 LOKASI KAJIAN

Kajian dikemukakan ini dijalankan di Kampung Paya Ladang, Chenor Pahang. Ia ditubuhkan pada tahun 1942 dan orang – orang yang mula menubuhan adalah empat orang saudara lelaki selepas banjir besar berlaku pada tahun 1926. Setelah dilanda banjir besar, mereka menjumpai kawasan yang tengah lapang dan hanya tinggal paya yang dipenuhi dengan pokok mengkuang ladang.

Lalu mereka menamakan kawasan tersebut sempena dengan paya yang dipenuhi mengkuang ladang dan terus dikenali sebagai sebuah Kampung Paya Ladang sehingga kini. Kampung Paya Ladang ini terletak kira – kira 9 kilometer dari Pekan Chenor dan mempunyai keluasan dalam lingkungan 5 km bersamaan dengan 5000 hektar (anggaran). Sehubungan dengan itu, sekarang Kampung Paya Ladang mempunyai 60 biji rumah didalam kampung tersebut dilimpahi dengan 200 orang penduduk.

Kebanyakan penduduk disitu ialah bangsa berketurunan melayu dan hampir di sempadan Kampung Orang Asli. Ia juga terdiri daripada golongan pengusahaan sendiri dan pelbagai pekerjaan seperti menanam sayur – sayuran, perusahaan kolam ikan, menghasilkan kelulut madu lebah, menjahit dan sebagainya. Pekerjaan utama di dalam kawasan Kampung Paya Ladang ini ialah mengusaha pelbagai jenis pertanian seperti getah, kelapa sawit, jagung, dan lain – lain. Disamping itu, mereka juga menternak haiwan seperti kambing, kerbau, lembu dan ayam.

Penulis memilih Kampung Paya Ladang sebagai lokasi kajian atas sebab yang berikut :

1. Skop kajian adalah menumpukan masyarakat kampung menggunakan media sosial sebagai menambah ilmu pengetahuan agama.
2. Kampung ini mempunyai kemudahan ICT yang terdekat.
3. Tujuan ini adalah untuk meneliti permasalahan yang dihadapi oleh komuniti remaja pada zaman teknologi canggih kini selain tujuan utamanya juga ialah untuk memperluaskan ilmu agama kepada golongan muda yang tidak tahu apa makna agama mereka yang dianuti.

3.4 KAEDAH PEMILIHAN SAMPEL DAN RESPONDEN

Kaedah persampelan ini adalah berkaitan dengan proses pemilihan sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Menurut kajian ini, maklumat kajian yang diperolehi adalah melalui buku – buku yang melibatkan dalam permasalahan kajian ini. Sehubungan dengan itu, sampel yang lain terdiri dalam kelompok komuniti Kampung Paya Ladang yang melibatkan daripada golongan warga emas, remaja dan kanak – kanak.

Seramai 40 orang penduduk kampung yang dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian ini. Sampel tersebut merupakan golongan warga emas dan remaja yang menggunakan media sosial sebagai memperluaskan ilmu pengetahuan Islam mahupun am. Selain itu, pada golongan kanak – kanak pula terbahagi kepada 2 kelompok. Bagi kelompok pertama adalah kanak – kanak berusia 4 sehingga 6 tahun manakala kelompok kedua pula kanak – kanak berusia 7 sehingga 12 tahun. Setiap kelompok terdiri daripada 10 orang kanak – kanak.

3.5 PEMBOLEH UBAH STRATEGIS

Pemboleh ubah dalam kajian ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu pemboleh ubah (variabel) alternatif dan pemboleh ubah (variabel) bersandar.

- i. Variabel alternatif dalam kajian ini ialah penyelidikan buku
- ii. Variabel bersandar dalam kajian ini ialah menggunakan media sosial

Kajian yang dijalankan dalam bentuk variabel alternatif (penyelidikan buku) akan diuraikan dengan jelas tentang peluang terhadap media global atas dakwah Islam kesannya iaitu pada perubahan pada variabel bersandar (penggunaan media sosial). Kesannya dikenal pasti melalui pemerhatian dan menemubual beberapa responden dalam kalangan orang dewasa, remaja dan kanak – kanak. Beberapa hipotesis telah dicorakkan untuk menunjukkan andaian sampel antara kedua – dua variabel kajian ini iaitu :

1. Peluang menggunakan media sosial memberi kesan kepada pendakwah dan impak yang baik terhadap mad'u.
2. Peluang menggunakan media sosial tidak memberi kesan kapada mad'u mahupun pendakwah.

3. Tiada perbezaan antara kedua – dua variabel yang dilakukan.

3.6 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini dilakukan berdasarkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Terdapat beberapa instrumen kajian, alat kajian atau sumber yang diperlukan untuk mendapatkan data iaitu penyelidikan daripada buku – buku, temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian. Kaedah kuantitatif adalah untuk mendapatkan data dalam kajian ini manakala temubual dan pemerhatian adalah untuk mengukuhkan lagi sumber dapatan kajian yang didapati.

3.6.1 KAEADAH PENYELIDIKAN

Online dengan Tuhan oleh Zulkifli Khair. Menurut buku tersebut, internet hanyalah makhluk dan ia ialah sesuatu yang dicipta oleh manusia. Allah adalah Maha Khaliq yang bermaksud pencipta. Tidak nafikan lagi bahawa internet dan alat – alat yang berkaitan dengan seperti diod, kapasitor, cip, modem dan sebagainya adalah ciptaan yang canggih. Ia berkembang dengan drastik serta pantas alirannya. Ia boleh berubah dalam sekelip mata daripada sebesar rumah kepada saiz tapak tangan. Saiz dunia umpama sebesar kampung manakala dunia juga bagaikan rata bukan lagi berbentuk sfera.

Namun begitu, manusia sering terpegun dan terpukau dengan ciptaan manusia yang melebihi rasa terpengunnya dan mengagumi kepada Maha Pencipta, Allah sekalian alam. Ramai orang kagum dengan bangunan pencakar langit, namun kurang kagum dengan pencipta langit. Ramai orang kagum dengan kolam renang dalam taman, namun kurang kagum dengan pencipta air yang memenuhi kolam berkenaan dan Tuhan yang menghidupkan tumbuhan di dalam taman.

Selain itu, ciptaan makhluk terhebat di planet bumi. Begitu juga dengan internet yang menyimpan 1001 tanda kebesaran Tuhan. Siapakah pencipta electron dalam arus elektrik apabila suis dibuka dan electron yang membantu menghantarkan data ? Sudah tentu Allah SWT. Allah SWT yang mengizinkan kita mengakses internet di seluruh muka bumi ini.

3.6.2 TEMU BUAL

Kajian ini juga mendapat maklumat dengan menggunakan kaedah temu bual kepada responden yang terlibat. Tujuannya diadakan temu bual ini ialah untuk mengukur kepastian data yang dikaji. Soalan temu bual adalah tidak berstruktur. Sampel temubual terdiri daripada 10 orang golongan warga emas, 10 golongan remaja, 10 orang kanak – kanak berusia 4 sehingga 6 tahun dan 10 orang lagi kanak – kanak berusia 7 sehingga 12 tahun. Temu bual ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan tentang keberkesanan media sosial terhadap peningkatan ilmu – ilmu agama yang disampaikan oleh pendakwah bebas.

SOALAN TEMU BUAL :

1. Apakah pandangan apabila isu – isu yang berkaitan dengan dakwah disebarluaskan melalui media sosial seperti Instagram, Facebook, Twitter ?
2. Adakah pemilihan cara seorang pendakwah menyampaikan sesuatu mauduk kepada anda menjadikan asbab mengikutinya ?
3. Sekiranya pendakwah menyampaikan dakwahnya melalui media sosial yang diwujudkan, adakah ia berkesan mengikut objektif yang diramalkan oleh penulis ?

BAB 4

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan lagi secara terperinci analisis data yang telah dilakukan serta dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian yang telah dilaksanakan. Disamping itu, bab ini juga merumuskan data dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis data secara terperinci dan analisis data secara umum.

4.2 ANALISIS UMUM

Penulis mengkaji analisis umum ini melibatkan sumber bahan bacaan yang bertepatan dengan masalah kajian yang dikaji. Antara buku – buku yang dipilih oleh penulis ialah buku yang berjudul ‘Usrah Lolipop’ yang diterbitkan Casamas Resources SDN BHD. Ia menceritakan tentang konsep “Ukhuwah Islamiyah” ialah persaudaraan atau kasih sayang bermatlamatkan mardhatillah yang juga merupakan kurniaan atau pemberian daripada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT melontarkan pemberian kurniaan itu kepada hati – hati hamba-Nya yang ikhlas dan suci terhadap agamanya.

Selain itu juga, buku yang bertajuk ‘Online dengan Tuhan’ yang diterbitkan oleh PTS Islamika SDN BHD. Buku ini membawa penceritaan kita sebagai hamba Allah SWT menyelami hubungan dengan Pencipta Yang Maha Kuasa yang lebih hebat dan melampaui teknologi online yang ada pada hari ini. Hampir semua individu online setiap hari. Di zaman global kini, internet, email, ruang sembang seperti WhatsApp, Facebook Mesenger, Telegram, jaringan sosial yang ‘trending’ pada zaman sekarang seperti Instagram, Twitter, TikTok dan sebagainya adalah medium perantara yang sinonim dengan masyarakat untuk

berkomunikasi. Ia berlaku tidak kira di mana sahaja kita berada, online sentiasa berlaku tanpa mengira masa dan waktu.

4.3 ANALISIS TERPERINCI

Analisis yang dilakukan ini adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang diperolehi dalam sesi temu bual responden. Ia berlaku secara rawak dan tidak berstruktur. Analisis ini juga mengandungi implikasi yang merangkumi segelintir ruang kajian yang melibatkan objektif kajian yang dikemukakan pada bahagian proposal. Namun begitu, perbincangan yang dilaksanakan dalam analisis data ini akan menumpukan jawapan responden terhadap persoalan kajian yang telah dimaklumkan di dalam proposal tersebut.


4.3.1 ANALISIS DATA TEMU BUAL

Dapatan temu bual ini berlangsung secara tidak rawak dan tidak berstruktur. Soalan permulaan lazim yang diajukan kepada responden ialah mengenai latar belakang responden, contohnya umur, jantina, dan pengesahan samada seorang pengguna media sosial mahupun sebaliknya. Disamping itu, kajian ingin mengetahui kekerapan penggunaannya serta perkara positif atau negatif daripada tindak balas responden terhadap media sosial dalam meluaskan ilmu pengetahuan agama.

4.3.1. 1 BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG RESPONDEN

Dapatan kajian dalam aspek ini ialah :-

- i. Umur
- ii. Jantina
- iii. Kekerapan menggunakan media sosial
- iv. Tindakbalas positif terhadap penggunaan
- v. Tindakbalas negatif terhadap penggunaan



Graf 4.2 : Taburan responden mengikut tahap umur

Item	Respon	Kekerapan	Tindakbalas (+)	Tindakbalas (-)
4 – 6 tahun	Lelaki : 3 Perempuan : 4.6	10	8%	5%
7 – 12 tahun	Lelaki : 7 Perempuan : 6.5	10	5%	5%
Remaja	Lelaki : 9 Perempuan : 10	10	9.5%	9.7%
Warga Emas	Lelaki : 2.5 Perempuan : 3	5	5%	-

Jadual 4.2 : Analisis kekerapan dan tindakbalas mengikut had umur responden

Mengikut soalan di bahagian A, analisis menunjukkan bahawa seramai 7.6% iaitu 8 orang daripada kanak – kanak berumur 4 sehingga 6 tahun dan 13.5% iaitu 10 orang yang daripada kanak – kanak berumur 7 sehingga 12 tahun. Bagi golongan para remaja pula, seramai 19% iaitu 20 orang dan 5.5% iaitu 5 orang daripada warga emas.

4.3.1. 2 BAHAGIAN B : PERSEPSI RESPONDEN TERHADAP MEDIA MASSA

Dapatan secara umum berdasarkan persepsi responden terhadap media massa merangkumi :

1. Saya selalu menggunakan media massa untuk pembelajaran masa kini.
2. Media massa merupakan alat komunikasi yang canggih pada zaman sekarang.
3. Saya menghadapi kesusahan apabila tidak menggunakan media massa untuk belajar dengan lebih meluas.
4. Iklan – iklan yang tidak senonoh selalu keluar di paparan skrin telefon atau komputer.
5. Berlakunya fitnah diantara sesama manusia dengan pelbagai jenis cerita – cerita yang tidak betul.
6. Saya sering membuat nota tambahan untuk mengulangkaji pembelajaran dengan menggunakan aplikasi yang disediakan oleh media massa.
7. Saya akan menggunakan pelbagai kaedah berdakwah yang berkesan agar dapat meningkatkan penguasaan ilmu agama.
8. Terdapat banyak penipuan licik di dalam media massa seperti ‘scammer’. Mereka menipu orang dengan menyelongkar data peribadi untuk menjadi kaya.
9. Penggunaan media massa juga dapat membantu orang lain menjana pendapatan dengan berniaga secara atas talian.

10. Di sekolah kampung, cikgu selalu membantu murid – muridnya mendapatkan soalan – soalan peperiksaan yang lepas serta mengulangkajinya bersama – sama mereka dengan menggunakan media massa zaman kini.

4.3.1. 3 PERSEPSI RESPONDEN SECARA POSITIF TERHADAP MEDIA MASSA

Analisis temubual dengan golongan kanak – kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun , golongan kanak – kanak berumur 7 hingga 12 tahun, sesetengah daripada golongan remaja dan juga golongan warga emas dalam penyelidikan ini menunjukkan mereka mempunyai perspektif yang positif ke atas penggunaan media massa. Hal ini bahawa mereka dapat menerima pembelajaran yang diberikan secara pantas dan senang tangkap masuk dalam minda mereka.

Dapatan ini selari dengan dapatan penyelidikan Dr. Tengku Ismadi dan Hilmi Isa (2012) iaitu mengatakan bahawa sifat – sifat manusia adalah berbentuk digital seperti manusia sering mengingati perkara dengan mengikut turutan atau susunan. Selain itu, memproses maklumat berdasarkan rasional dan kaedah yang logik serta terlalu mementingkan kesempurnaan terhadap sesuatu yang berlaku. Namun, ia juga mempunyai keperluan yang kuat bagi ingin mengetahui keadaan dunia sekeliling dan memerlukan masa bagi memproses maklumat baru untuk menerapkannya.

Keputusan ini membuktikan bahawa sesungguhnya semua golongan daripada usia 4 tahun sehingga 12 tahun tanpa mengira tahap kecerdasan perlulah memantau apa yang mereka lakukan. Selain itu juga, mereka memerlukan bimbingan dan pemerhatian daripada ibu bapa untuk membantu mereka dalam pelajaran dan kerjaya masa depan. Dengan wujudnya dorongan dan galakan daripada ibubapa, mereka akan menjadi waktu anak – anak dengan media massa dengan lebih tersusun dan berhati – hati apabila menggunakan gajet.

Kesimpulan yang boleh dirumuskan bahawa semua golongan kanak – kanak dan remaja samada lelaki mahupun perempuan dari pelbagai tahap kecerdasan percaya sememangnya media massa dapat membantu mereka mendalamai ilmu agama serta akademik.

4.3.1. 4 PERSEPSI RESPONDEN SECARA NEGATIF TERHADAP MEDIA MASSA

Analisis temubual mendapati walaupun semua golongan kanak – kanak, remaja dan warga emas dalam penyelidikan ini bersetuju bahawa media massa boleh membantu mereka dalam mencari ilmu pengetahuan akan tetapi ada didalam kalangan mereka menggunakan media massa pada zaman sekarang ini hanya untuk memfitnah antara satu sama lain dan mengecam orang lain samada buat perkara baik mahupun buruk.

Ini adalah kerana mereka berpendapat apabila seseorang terlalu taksub dengan menggunakan media massa adalah hanya untuk perkara – perkara yang tidak baik sahaja. Contohnya pada zaman sekarang , dikalangan budak – budak muda ada yang terlalu taksub dengan permainan online seperti pubg, among us, mobile legend , candy crush dan sebagainya. Hal ini adalah perkara – perkara yang disebutkan tadi adalah melekakan kita sebagai khalifah Allah SWT di atas muka bumi ini.

Dapatan ini juga selari dengan dapatan penyelidikan oleh Dr. Tengku Ismadi dan Hilmi Isa (2012) yang mendapati media massa terkini adalah antara medium pemangkin penzinaan. Kebiasaanya, pada peringkat awal perkenalan, si lelaki akan menunjukkan budi pekerti yang mulia dan ciri – ciri menghormati kaum Hawa. Akan tetapi, apabila usia perkenalan mereka sudah melewati tempoh minggu dan seterusnya bulan, rasa malu itu hilang sikit demi sedikit. Keadaan ini berlaku apabila hubungan kedua – duanya menjadi intim. Ini adalah dikatakan formula remaja yang perlu dititikberatkan oleh ibubapa.

Keputusan analisis temubual ini membuktiksn juga bahawa media massa mempunyai manfaat atau kebaikan apabila seseorang individu pandai menggunakannya dengan bijak. Apabila seseorang individu disebaliknya pula , mereka menggunakan media massa itu hanya untuk bersuka ria sahaja yang hanya untuk memuaskan nafsu bagi sesetengah pihak.

Kesimpulan yang boleh disimpulkan bahawa sesetengah ataupun segelintir manusia dari kalangan para remaja adalah menyebabkan medium media massa berlaku dengan perkara – perkara yang negatif serta ia juga boleh berlaku satu penzinaan halus sikit demi sedikit.

BAB 5

CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1 CADANGAN

Hasil dapatan kajian yang berikut adalah penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk dijadikan rujukan atau tindakan yang akan datang dari masa ke semasa bagi meningkatkan tahap pemikiran masyarakat era modenisme ini dengan kewujudan teknologi yang berubah – berubah kecangihannya. Antaranya ialah :

1. Generasi muda sudah terdedah dengan kepada teknologi maklumat yang begitu moden, mereka perlu menggerakkan teknologi ini untuk kepentingan dakwah Islamiyah. Hal ini dibuat dapat memudahkan masyarakat lain menumpukan ilmu pengetahuan dan mempunyai semangat berdakwah serta berminat dengannya. Disamping itu, mereka juga perlu mendekatkan diri persatuan atau pertubuhan yang berkONSEPkan gerakan dakwah Islam yang terdapat di Negara kita ini seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM) dan seangkatan dengannya.

2. Pada era ini, masyarakat Islam perlu mempersiapkan diri agar mempunyai kecekapan model insan dalam pelbagai bidang. Ia bukan hanya sekadar mempunyai kemahiran dalam bidaang pengajian Islam seperti penghafaz Al – Quran, hadis, bahasa Arab dan kemahiran komunikasi seperti berpidato, bersyair, perbahasan dan sebagainya. Namun demikian, kemahiran dalam bidang teknologi maklumat, data, psikologi manusia juga mampu menguasai teknologi maklumat berdasarkan teknologi siber, rangkaian internet,

data siber serta sistem rangkaian seperti Revolusi Industri 4.0 iaitu melibatkan internet dan teknologi.

3. Sehubungan itu, komuniti kini perlu mempunyai kemahiran melaksanakan dakwah dalam bentuk bersasar dan perlu sangat – sangat memiliki sumber yang sahih, dakwah yang bertujuan hingga matlamat dakwah mencapai kefahaman orang – orang luar yang mendengar, serta mempunyai jaringan bagi mekanisme (sistem komputer) penyampaian berkesan dalam pelbagai kelompok sasaran melalui medium media moden dan teknologi maklumat yang begitu canggih saluran komunikasi di persada dunia.
4. Masyarakat kini berada dalam keadaan yang begitu rumit akibat faktor kebendaan yang melibatkan sistem ekonomi, politik dan dunia ini juga adalah tanpa sempadan dengan internet serta munculnya pelbagai kefahaman. Oleh itu, nilai agama Islam perlulah disampaikan dengan idea yang lebih kreatif dan inovatif melalui media massa dan teknologi maklumat (IT).
5. Tambahan pula, aktiviti dakwah perlu diluaskan lagi kontennya mengikut syariat Islam dan tidak berlebih – lebihan. Dakwah melalui media massa adalah tiada batasan yang mampu menghalang hubungan diantara individu dengan kelompok yang mempunyai saluran luas atau tiada ruang penghalang. Namun begitu, agama Islam wajarlah disampaikan kepada semua pihak tidak kira usia tanpa batasan.
6. Keberkesanan dakwah melalui media sosial akan tercapai apabila style penyampaian mauduk yang disampaikan oleh pendakwah (dai'e) sangat efektif bagi individu atau kelompok yang mendengarnya. Kandungan yang perlu disampaikan di khalayak ramai

perlulah diselitkan juga dengan menceritakan kisah – kisah Nabi terutamanya cerita tauladan Nabi kita iaitu Nabi Muhammad SAW. Sebagai pendakwah hal itu perlu dipertingkatkan lagi pengetahuan kisah Rasulullah SAW supaya masyarakat sekarang menghargai perjuangan dahulu Baginda demi menyelamatkan umatnya.

7. Peningkatan tahap kecekapan pengetahuan dalam Islam ini bukan sahaja dapat memperluaskan ruang dakwah, bahkan dapat membantu masyarakat yang mengalami pelbagai jenis masalah contohnya masalah sosial, psikologi seperti kekacauan jiwa, tekanan mental, kemurungan, kegelisahan dan sebagainya. Penawar penyelesaian untuk pesakit bagi masalah – masalah jiwa adalah melalui pendekatan Islam. Menurut pandangan Imam al – Ghazali terhadap manusia ialah pendekatan berdasarkan ayat Al-Quran dapat membawa manusia ke jalan yang benar.
8. Umat Islam perlu menampilkan unsur – unsur agama Islam yang bersyariat olehNya di dalam media Barat seperti dalam perfileman, kaunseling, program realiti televisyen serta radio agar dapat menangkal kesan – kesan dan pandangan negatif orang Barat terhadap agama Islam. Para pendakwah diluar sana hendaklah juga mengadakan seminar – seminar, program realiti tv yang berkonsepkan pengetahuan Islam samada input atau output seperti Halaqah, Forum Perdana Hal Ehwal Islam, Tanyalah Ustaz dan sebagainya.
9. Kekerapan menggunakan media sosial tidak perlulah menggunakannya setiap masa mahupun setiap jam. Ia sewajarnya lebih baik meluangkan lebih masa untuk membaca buku – buku agama. Dengan cara seperti ini dapat menambahkan lagi pengetahuan luas dalam menuntut ajaran agama Islam. Jika media sosial ini hanya untuk menyebarkan

ilmu sahaja kerana saluran pantas seperti internet ini, mesej yang disampaikan dijangka berlaku tidak kurang daripada seminit.

5.2 RUMUSAN

Keseluruhan kajian ini adalah untuk mengetahui, Adakah dakwah Islam dan inovasi media dalam peluang terhadap media global atas dakwah Islam berkesan dengan jayanya bagi kalangan kanak – kanak, remaja serta warga emas. Di dalam bab 2 sudah diterangkan tentang bagaimana cara berdakwah dengan menggunakan media massa terkini. Berdakwah dengan menggunakan media massa hendaklah dilakukan dengan kaedah yang jelas dan inovatif supaya orang yang mendengar dapat mengamalkan atau melakukannya dengan betul. Kesimpulan daripada kajian ini ialah segelintir golongan kanak – kanak, remaja dan warga emas lebih memandang positif terhadap penggunaan media massa untuk mencari ilmu berbanding daripada segelintir yang lain. Selain itu, pemahaman responden mengenai teknologi kini juga sudah ramai pandai menggunakannya.

RUJUKAN

1. Zulkifli Khair. (2009). *Online dengan Tuhan*. PTS Islamika SDN BHD, Batu Caves, Selangor.
2. Dr. Tengku Asmadi & Hilmi Isa. (2012). *Pikat Remaja dengan Kata – Kata*. PTS Islamika SDN BHD, Batu Caves, Selangor.
3. Mejari (B) Mohammad Qayyum A. Badaruddin. (2017). *Usrah Lolipop*. Casamas Resources SDN BHD, Negeri Sembilan.
4. Dato' Dr. Hj. Abd Basit & Hj. Abd Rahman. (2017). *Tenang dengan Ujian*. Telaga Biru SDN BHD, Kuala Lumpur.
5. Berita Harian Malaysia. (2013). <https://www.bharian.com.my/rencana/agama>
6. Noradilah Bt Abdul Wahab. (2020). *Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Masa Kini*. <https://www.researchgate.net/publication/340861392>
7. Muhammad Haramain. *Dakwah Dalam Arus Globalisasi Media : Peluang Dan Tantangan*. <https://www.471-ArticleText-662-1-10-2018.pdf>
8. Berita Harian Malaysia. (2012). <https://www.bharian.com.my/kolumnis>
9. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen B Shaikh Mohd Salleh. (2018). *Institusi Kefahaman Islam Malaysia*. <http://www.ikim.gov.my/>
10. Maisarah Saidin & Latifah Abdul Majid. (2012). *Pembentukan Jati Diri Kanak – Kanak Melalui Bahan Bacaan Bahasa Malaysia*. <http://www.makalah-v4n1-n4.pdf>

LAMPIRAN



